

DEWAN RA'AYAT YANG PERTAMA

MALAYSIA

Penggal Yang Kelima

Atoran Urusan Meshuarat

Hari Ithnin, 23hb Disember, 1963 pukul 10.00 pagi

No. 28

79

PERTANYAAN2 BAGI JAWAB MULUT

- *1. Enche' K. Karam Singh bertanya kepada Menteri Pertanian dan Sharikat2 Kerjasama, berapa bilangan nelayan2 yang menanggung kerugian oleh perompak2 laut di-Selat Melaka dan apa langkah yang telah di-jalankan oleh Kerajaan bagi menolong nelayan2 ini menjalankan balek kerja-nya.
- *2. Enche' K. Karam Singh bertanya kepada Menteri Pertanian dan Sharikat2 Kerjasama, apa langkah2 ~~menolong~~ yang telah di-jalankan oleh Kerajaan dalam perkara ini.

ATORAN URUSAN MESHUARAT DAN PEMBERITAHU2
USUL

1. (DR.37/63) Rang Undang2 Perbekalan, 1964 - Membahathkan lagi usul "Bahawa Rang Undang2 ini hendak-lah di-bachakan kali yang Kedua" (21hb Disember, 1963).

2. Menteri Kewangan akan menhadangkan:

Bahawa Majlis ini memutuskan ia-itu sa-jumlah wang tidak lebeh daripada \$721,587,720 hendak-lah di-keluarkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan dalam tahun 1964 dan bagi maksud menepati tujuan2 Kepala dan Pechahan Kepala yang di-terangkan dalam ruangan yang kedua dalam Kenyataan yang terbentang di-atas Meja Meshuarat sa-bagai Kertas Titah No. 46 tahun 1963, hendak-lah di-untokkan jumlah wang di-sebutkan bertertangan dengan Kepala dan Pechahan Kepala yang tersebut dalam ruangan yang kesembilan dan kosa-puluh berkenaan dengan Kepala 100-153 dan ruangan kelapan dan kesembilan berkenaan dengan Kepala 155-210.

3. Menteri Kewangan akan menhadangkan:

Bahawa menurut kuat-kuasa sharat2 sekshen-kechil (4) dalam Sekshen 10 Undang2 Peratoran Kewangan tahun 1957, Jadual Yang Kedua dalam Undang2 tersebut hendak-lah di-pinda dengan menambahkan pada-nya perkara yang baharu saperti berikut:-

"The Fishermen's Rehabilitation Fund"

4. Dato' Mohamed Hanifah bin Haji Abdul Ghani akan menhadangkan:

Bahawa Dewan ini mengutok Kerajaan Pusat yang telah menyalah-gunakan kuasa Undang2 Keselamatan Dalam Negeri bagi menangkap dan menahan sa-orang ulama baharu2 ini di-Kelantan dan menuntut supaya dia di-lepaskan dan perbuatan menahan mana2 ulama Islam kerana pendapat ugama-nya itu tidak lagi di-lakukan.

5. Tuan Haji Hasan Adli bin Haji Arshad akan menhadapkan:

Bahawa Kerajaan hendak-lah mengadakan sa-buah Undang2 bagi menubuhkan Majlis Kebudayaan Negara.

6. Enche' V. David akan menhadapkan:

Bahawa Majlis ini meminta kepada Kerajaan menggantikan Undang2 Ibu Kota Persekutuan dengan sa-buah Majlis Municipal bagi Kuala Lumpur yang di-pilih semua sa-kali Ahli2-nya dalam Pilhan Raya.

7. Enche' Lim Huan Boon akan menhadapkan:

Bahawa Majlis ini mengutok perbuatan Kerajaan Pusat menyalah-gunakan kuasa2-nya mengikut Rang Undang2 Keselamatan Dalam Negeri, kerana baharu2 ini telah melakukan tangkapan dan tahanan terhadap ketua2 parti politik dan ketua2 Kesatuan Sa-kerja, dan menuntut supaya mereka di-bebaskan dengan serta-merta dengan tiada bersyarat atau di-biharakan dalam Mahkamah Undang2.